

02/09/2001

PM adakan lawatan kerja ke Langkawi

LANGKAWI: Tahap kemajuan projek pembangunan di sini terus mendapat perhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan kerja sehari ke pulau peranginan ini, semalam.

Perdana Menteri dijangka memulakan tinjauan pada sebelah pagi dengan melawat projek pembinaan kereta kabel yang menghubungkan Oriental Village dan puncak Gunung Matchinchang di Teluk Burau.

Projek membabitkan kos RM45 juta dan dijangka siap Mac tahun depan itu bakal menjadi daya tarikan baru pelancong ke pulau ini.

Beliau kemudian dijadual melawat projek pemulihan Pantai Kok bernilai RM29.6 juta dan pengindahan Sungai Kuala Melaka (RM28 juta), sebelum menghadiri jamuan tengah hari di Kampung Tok Senik Resort.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) di Padang Matsirat kira-kira jam 7.20 malam semalam disambut Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Turut menyambut ketibaan Dr Mahathir ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian merangkap Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib; Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Md Hasan Bulat; Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Zainal Karib Abdul Rahim dan Pegawai Daerah, Rasli Basir.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari LTAL, kira-kira jam 4.30 petang.

(END)